

Latihan 2

Petikan di bawah mengandungi empat belas kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada empat belas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Alzheimer merupakan sejenis penyakit pada bahagian otak yang menyebabkan berlakunya komplikasi pada daya ingatan, pemikiran dan tingkah laku seseorang. Penyakit ini biasanya berlaku kepada golongan warga emas. Pesakit tersebut akan mengalami kemerosot terhadap kemahiran berfikir, tingkahlaku dan sosial yang mengganggu keupayaan seseorang dalam urusan seharian. Petanda awal yang mudah dikenal pasti adalah pesakit mudah terlupa mengenai sesuatu peristiwa yang baru berlaku. Kesan yang paling ketara sekali ialah pesakit akan mengalami masalah ingatan yang serius sehingga mengganggu aktiviti dan rutin harian. Di luar negara, penyakit Alzheimer dianggap sebagai penyakit yang serius dan harus ditangani. Malah, bekas Presiden Amerika Syarikat, Ronald Reagan dan bekas perdana menteri Britain, Margaret Thatcher merupakan antara pemimpin tinggi dunia yang menghidap Alzheimer. Penyakit Alzheimer dijangka meningkat dari 35.6 juta orang pada tahun 2010 kepada 65.7 juta orang (2030). Di Malaysia, kira-kira 50 ribu warga emas menghidap penyakit Alzheimer dan kebanyakan mereka tidak didiagnosis kerana ahli keluarga berpendapat, perkara tersebut ialah proses penuaan yang normal. Banyak penyelidik percaya bahawa Alzheimer bukanlah merupakan proses penuaan yang normal. Penyakit ini mempunyai berapa tahap, iaitu tahap pertama ialah tahap ringan yang menyebabkan perbuatan dan percakapan berulang-ulang tentang perkara yang sama, mencari perkataan atau nama serta objek. Bagi tahap sederhana pula, pesakit akan mengalami hilang arah dan behadapan kesukaran untuk membersihkan diri. Tahap yang teruk ialah pesakit tidak memahami perkataan yang biasa diguna dan tidak mampu untuk menjaga diri sendiri.

Dipetik dan diubah suai daripada
Alzheimer Penuaan Normal atau Sebaliknya?
Oleh Shamsiah Abd. Kadir
Majalah Dewan Masyarakat, Bil. 11/2020

Bil.	Kesalahan	Pembetulan
(i)		
(ii)		
(iii)		
(iv)		
(v)		
(vi)		
(vii)		
(viii)		
(ix)		
(x)		
(xi)		
(xii)		
(xiii)		
(xiv)		

Kesalahan bahasa:

- Ejaan bagi kata nama khas seperti nama dan jawatan perlu dieja dengan huruf besar pada permulaan huruf
- Contohnya; Doktor Kamalla, Guru Besar Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Samad
- Kesalahan istilah perlu diganti dengan perkataan yang tepat dan sesuai